

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Peserta INTAN-IPR dijangka hasilkan 100 tan cili fertigasi sebulan

Peserta INTAN-IPR dijangka hasilkan 100 tan cili fertigasi sebulan

Kuala Lumpur: Program Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Fasa 1 dengan permulaan tanaman cili fertigasi dijangka memperoleh hasil sebanyak 100 tan dalam tempoh sebulan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata program penanaman cili fertigasi Fasa 1 itu membabitkan sejumlah 20 peserta dengan kluasan 4,0469 hektar tanah.

“Sebanyak 40,000 polibeg cili digunakan dan hasil daripada tanaman ini, peserta boleh memperoleh hasil pulangan sekitar RM2,300 sebulan.

“Ini adalah perkembangan semasa satu daripada projek INTAN-IPR di Putrajaya yang membabitkan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat.

“Semoga peserta INTAN dapat menuai hasil yang lumayan

dan dapat mengubah kehidupan dengan lebih baik,” katanya dalam satu ciapan di platform X, di sini, semalam.

Pada 29 Ogos lalu, Rafizi mengumumkan kerajaan memperuntukkan RM100 juta bagi tahun ini untuk pelaksanaan projek INTAN-IPR secara permintaan untuk cadangan (RFP) oleh syarikat swasta terpilih.

Usaha itu bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pembasmian kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat selain meningkatkan kemampuan bekalan makanan serta membantu usaha mengawal harga makanan di pasaran.

Projek pertanian yang boleh diusahakan adalah tanaman atau ternakan yang memberikan hasil dalam tempoh kurang dua tahun dan mempunyai potensi penggunaan teknologi la-dang moden.